



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN SHAFIE BIN JUSOH  
ADIGURU SENI WARISAN WAU**

**OLEH:**

<b>MUHAMMAD NAZRIN BIN AMIN RUDIN</b>	<b>2013195189</b>
<b>MUHAMMAD KHAIRUL ZAKIRIN BIN MOHAMAD NOORDEN</b>	<b>2013998547</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN SHAFIE BIN JUSOH  
ADIGURU SENI WARISAN WAU

OLEH:

MUHAMMAD NAZRIN BIN AMIN RUDIN	2013195189
MUHAMMAD KHAIRUL ZAKIRIN BIN MOHAMAD NOORDEN	2013998547

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan temubual ini disiapkan dengan sempurna.

Diantaranya:

**Dr. Mohd Nasir bin Ismail**

(Ketua Pusat Pengajian, Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Kelantan)

**Puan Nurulanissa Binti Abdullah**

(Pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM, Machang)

dan

**Encik Shafie Jusoh**

(Pakar wau Tradisional Melayu)

Serta

**Muhammad Safwan Bin Awang**

(Pembantu penyelidik)

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i-ii
Isi Kandungan.....	iii-iv
Abstrak.....	v-vi
Biodata Tokoh.....	vii-viii
Pengenalan.....	ix-x
<b>Transkrip</b>	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02-05
Bahagian 2: Sejarah pendidikan.....	06
Bahagian 3: Pekerjaan awal.....	07-09
Bahagian 4: Penglibatan dalam bidang pembuatan wau.....	10-22
Bahagian 5: Pengenalan kepada pembuatan wau.....	23-26
Bahagian 6: Penganugerahan adiguru aneka kraf.....	27-29
Bahagian 7: Pengalaman dan sumbangan dalam bidang pembuatan wau	30-34
Bahagian 8: Idea, cadangan dan pendapat berkenaan permainan wau	35-39
pada masa kini	
<b>Lampiran</b>	
Log Wawancara.....	41-45
Diari Kajian.....	46
Senarai soalan.....	47-51
Surat Perjanjian.....	52
Gambar.....	53
Sijil penghargaan.....	54
Indeks.....	55

# ABSTRAK

# ABSTRAK

*Abstrak: Dalam perkembangan teknologi dan peredaran zaman pada masa kini. Industri kraftangan traditional di Malaysia kian ditelan zaman. Transkrip ini menerangkan secara temubual ringkas tentang seni kraftangan tradisional wau. Kraftangan wau adalah salah satu peninggalan yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Setiap bangsa dan masyarakat diseluruh dunia mempunyai budaya kraftangan yang diperturunkan kepada generasi baru. Malaysia juga mempunyai sejarah kraftangan wau yang lama walaupun tidak mempunyai rentetan yang jelas namun beberapa penemuan yang boleh dikaitkan kepada budaya penemuan kraftangan tradisional yang boleh dibanggakan. Keunikan wau tradisional melayu adalah pada corak hiasan serta bentuknya yang istimewa. Semakin komplek corak hiasan sesebuah wau itu menjadikan ianya sebuah kraftangan yang bernilai tinggi kerana kecantikannya. Harga yang mahal menjadi faktor utama wau tradisi melayu sukar dimiliki dan sayang untuk dimainkan sebagai aktiviti*

**Kata kunci:** Wau, kraftangan, warisan Melayu, Tradisional



# **BIODATA TOKOH**

# **BIODATA TOKOH**



**Nama penuh: Encik Shafie Bin Jusoh**

**Alamat: Kota Bharu, Kelantan**

**No. Telefon:**

**Jantina: Lelaki**

**Bangsa: Melayu/Islam**

**Bidang kraf yang diceburi: Kraf wau**

**Tahun mula bergiat aktif: 1973**

**Taraf perkahwinan: Berkahwin**

**Bilangan anak: Tiga orang**

**Nama Ibu: Minah**

**Nama Ayah: Jusoh**

**Bilangan adik beradik: Tiga orang (termasuk beliau)**

**Tahap pendidikan: Darjah Tiga**

**Tahun lantikan adiguru: 2006**

# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

Dalam pembuatan wau ianya memerlukan kemahiran tangan yang tinggi dan mengambil masa yang panjang untuk disiapkan. Temubual bersama Adiguru Tuan Shafie Jusoh ini adalah untuk melahirkan bakat baru dikalangan orang muda. Wau tradisi seperti wau bulan sangat berpotensi sebagai item komersial. Reka bentuk penyelidikan berkenaan wau terutama wau bulan amat bercirikan komersial. Pendekatan kualitatif digunakan dalam menilai perbandingan antara wau baru dengan wau tradisi serta layang-layang komersial. Hasil temubual mendapati potensi teknik cetakan di atas kertas lebih tahan berbanding kain di mana digunakan di banyak kebanyakan layang-layang moden pada masa kini, serta dapat mengekalkan estetika corak wau tradisi. Potensi kaedah ikatan buluh untuk membentuk badan wau membolehkan rangka wau baru dipasang dan dibuka dengan mudah. Mengikut ujian wau baru kurang berkesan yang memerlukan kajian lanjutan untuk memastikan wau baru berpotensi sebagai produk yang dapat berfungsi secara komersial sepenuhnya.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisahkan tentang pengalaman Pak cik shafie dalam memperjuangkan Kraf tradisional Malaysia iaitu Wau pada masa kini dan akan datang agar tidak pupus di telan zaman. Berikut adalah hasil rakaman:

Petunjuk:

PCS: Pak Cik Shafie

N: Nazrin

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**N : Jadi apakah nama pak cik?**

PCS : Shafie bin Jusoh.

**N : Gelaran pak cik?**

PCS : Shafie.

**N : Usia pak cik sekarang berapa?**

PCS : Umur, enam puluh lapan tahun.

**N : Tarikh lahir pak cik?**

PCS : Kiralah enam puluh lapan tahun, jangan *tak* [tidak] kira (ketawa).

**N : Maksudnya tarikh lah?**

**PCS : Tarikh yang saya *beranak* [dilahirkan].**

**N : Bukan tahun?**

**PCS : Tahun beranak 68 sampai *lonih* (sekarang).**

**N : Berapa hari bulan?**

**PCS : Tiga.**

**N : Pak cik lahir di mana?**

**PCS : *Sini* [disini].**

**N : Disini, Kelantan?**

**PCS : Kampung Kijang.**

**N : Memang asal usul sini?**

**PCS : Ya.**

**N : Membesar pun dekat sini?**

**PCS : (Mengangguk)**

**N : Pak cik tinggal sekarang dekat mana?**

PCS : *Sini* [disini] juga.

N : **Disini juga?**

PCS : Kampung ini, Kampung Kijang.

N : **Maknanya, tiada rumah lain?**

PCS : *Tadok* [tiada].

N : **Nama ibu pak cik?**

PCS : Minah.

N : **Nama ayah?**

PCS : Jusoh.

N : **Pak cik ada berapa orang adik beradik?**

PCS : Tiga orang.

N : **Pak cik anak ke berapa?**

PCS : Yang kedua.

N : **Pak cik sudah berkahwin?**

PCS : Boleh anak *doh* (sudah).



**N : Nama isteri pak cik?**

**PCS : Wan Embung.**

**N : Anak pak cik ada berapa orang?**

**PCS : Tiga.**

**N : Selain membuat wau, apakah hobi pak cik?**

**PCS : Hobi *wak* [membuat] wau.**

**N : Wau juga?**

**PCS : Ya.**

**N : Memang dari kecil?**

**PCS : Memang sejak kecil.**

**N : Pak cik memang suka sangat dengan wau?**

**PCS : (Ketawa)**

**N : Selain pak cik ada tak, adik beradik lain, ahli keluarga lain yang terlibat?**

**PCS : Anak *je* [sahaja].**

**N : Kiranya ada juga anak mempunyai kemahiran wau?**

**PCS : Ya.**

**TAMAT BAHAGIAN 1**



## **BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN**

**N : Latar belakang pendidikan pak cik, berpelajaran?**

**PCS : Berpelajaran.**

**N : Setakat mana?**

**PCS : Darjah tiga.**

**N : Nama sekolah pak cik?**

**PCS : Banggol, Kampung Banggol.**

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### BAHAGIAN 3: PEKERJAAN AWAL

**N : Pak cik, kiranya pak cik sudah aktif membuat wau sejak bila?**

**PCS : Empat puluh tahun dulu.**

**N : Kiranya pada masa?**

**PCS : Umur dua puluh, empat puluh tahun *wak* [membuat] wau.**

**N : Selain, membuat wau, adakah pak cik membuat kerja lain?**

**PCS : Ada.**

**N : Pekerjaan apakah?**

**PCS : Menanam padi, selepas itu orang berhenti *belaka* [semua], kita berhenti juga.  
Terus membuat wau, (ketawa). Buat apa duduk *sajo* [sahaja].**

**N : Kiranya pak cik tanam padi?**

**PCS : Ya.**

**N : Berapa lama, pak cik tanam padi?**

**PCS : Lebih kurang empat tahun.**

**N : Apa yang menarik minat pak cik untuk bertukar dari tanam padi kepada membuat wau?**

PCS : Pasal dahulu orang buat padi *belako* [semua], selepas tu mereka berhenti, orang itu *gi* [pergi] ke arah itu, orang ini *gi* [pergi] ke arah ini. Jadi pak cik duduk rumah nak buat kerja *gapo?* [apa] Kita pun terfikir kalau buat wau akan datang maju, *dok* [bukan begitu]? Selepas itu lah saya buat wau. Buat wau masa dahulu tidak *laku* [untung]. Hendak *laku* [untung] sebutir (sebuah) sehari, dua hari tidak *laku* [untung]. Tapi duduk dengan begitu, duduk *tahan* [bertahan], lama-lama *mat saleh* [orang asing] datang, dia beli *habis* [semua], dua tiga puluh *butir* [buah] dia borong semua. Saya tanya dia, buat apa wau banyak-banyak, dia kata nanti saya bawa balik ke negara saya, nanti orang di sana kata sau gila. Apa kata gila, *bakpo* [mengapa] awak kata gila? Orang di sana tengok wau nanti mesti dia tidak pandai nak buat, dia *musing* [berpusing] otak, (ketawa) sebab itu mereka akan cakap saya gila, orang itu beli orang ini beli. Kita jual kepada dia selepas tu dia akan datang cari saya *pulok* [semula]. Begitulah asalnya. Selepas itu dia lah *oyaknya* [memberitahu], dia kata pak cik pandai, ada ukiran ada pelbagai wau, wau dia ini wau apa *jah* [sahaja], *wau pantai* [layang-layang] sahaja wau orang yang dah selalu main, *wau kita* [wau traditional] *rama* [ramai] yang *tadok* [tiada] corak, tiada apa seperti mana wau kita ini, wau *sungguh* [sebenar].

N : **Memang orang asing minat sungguh dengan wau kita?**

PCS : Minat.

**N : Unik sangat?**

**PCS :** Ya, ada yang tak beli pun, mereka datang juga dekat sini, wajib datang sampai puas hati. Dia *mari* [datang] boleh bertemu dengan kita, dia akan suka sebab kita layan dia, dia dengan busur (sebahagian daripada bahagian wau yang mengeluarkan bunyi apabila wau naik) minat sangat. Dia hendak kibas *jah* [sahaja] kadang-kadang dia ambil, dia letak dekat basikal, ronda-ronda di pantai bunyinya sangat bising, ia berbunyi kerana terkena geseran angin.

**N : Busur saja?**

**PCS :** Ya. busur sahaja yang dia ingin beli, tetapi pak cik berkata kepada dia *ambil bawak kelik* [bawa pulang] sahaja.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: PENGLIBATAN DALAM BIDANG PEMBUATAN WAU**

**N : Penglibatan dalam bidang pembuatan wau, bilakah pak cik mula serius melibatkan diri dalam pekerjaan pembuatan wau?**

PCS : Masa *tu* [itu] lah, ketika dua puluh tahun dahulu.

**N : Apa yang membuatkan pak cik berminat untuk menceburi dalam bidang pembuatan wau?**

PCS : Macam ni saya minat pasal maju kita jual sebab ada orang membeli sejurus itu saya tidak boleh nak berhentilah kena buat *sokmo* [selalu]. Kita buat selalu pun sekarang ada orang hantar jauh-jauh. Asal kita nak pergi mana, orang hantar. Selepas itu kita nak duduk buat *gapo* [apa]. Orang hantar pun bukan tidak beri *pitih* [duit] orang bayar lagi pada kita, tempat makan, tempat *duduk* [tinggal] semua orang bagi. Negara dah berapa banyak sudah kita pergi, ni nak pergi ke Itali pula dalam puasa nanti.

**N : Kiranya banyak berjalan juga lah?**

PCS : Ya banyak, tapi ada orang lain jaga iaitu anak lah, sebulan lebih kurang.

**N : Berapa lama pak cik sudah terlibat dalam bidang pembuatan wau?**

PCS : Dalam tiga puluh tahun, kuat tak kuatnya, Pada mulanya *tadok* [tiada] lagilah orang lain di Kelantan jual wau, pak cik mula-mula *start* (mula), mana-mana tempat pun tiada buka kedai wau ketika itu. Lepas itu *lonih* [sekarang] ramai

orang tiru, tiru pun tidak boleh pergi jauh, orang datang ke sini *belako* [semuanya], mat saleh tidak mat saleh, Jepun tidak Jepun, Korea tidak Korea semuanya mari sini mereka tidak pergi ke tempat lain mereka inginkan yang asal. Hendak cari yang asal tu *payah* [susah] nya. Yang banyak tu banyak tirulah. Kalau kita kata dia pandai lah buat wau, dia buat *nyobek* [ubah suai] nya boleh, ukir-ukiran boleh lah, tetapi rangka orang lain yang buat, *takse* [tidak mahu] macam *tu* [itu]. Mat saleh ni dia mahu orang yang boleh ukir, boleh tebuk, boleh *tepek* [tampal] wau, kira juga yang boleh naikkan wau, dia kira *belaka* [semua].

**N : Kiranya dari awal sampai akhir boleh semuanya?**

PCS : Ya.

**N : Apakah kenangan manis yang tidak dapat pak cik lupakan sepanjang penglibatan pak cik dalam bidang pembuatan wau?**

PCS : Begini berkenaan dengan pengalaman manis ni, kita sudah faham kerana *tadok* [tiada] dah benda lain selain daripada wau. Perkejaan lain banyak bergantung kepada orang lain, Tidak seperti kerja kita ini, berkerja seorang diri susah payah pun atas kita lah. (Menceritakan bahawa perkejaan membuat wau adalah segala pengalaman manis buatnya kerana tidak bergantung dengan orang lain).

**N : Cari barang/bahan-bahan pun?**

PCS : Ahh kita *belako* [semuanya], tidak perlu suruh orang, kalau suruh orang lain

tebang buluh tidak sampai dua hari, selepas itu tidak boleh lagi, selepas itu kita nak kerja macam mana? Kena kita juga yang cari buluh, kita *tebang* [potong] kita buat *kelik* [pulang] tidak boleh suruh orang lain, suruh orang lain tergendala macam-macam lah, kalau hari ni kita suruh pergi, dia kata tidak boleh lagi, *tala* [tergendala] sudah sehari, baik kita pergi sendiri, nak beli apa pun kita pergi sendiri, tengah duduk buat kerja tapi *tadok* [tiada] benang, benang habis kita pergi telefon *order* (tempah), kalau kertas pun serupa macam itu juga, kena pergi Kota Bharu beli. Senang bekerja seorang diri tiada susahkan siapa-siapa.

**N : Jadi buat kerja pun senang?**

PCS : Senang tiada siapa ganggu, jika kita rasa nak *kelik* [pulang], *puah* [bosan] *puah* [bosan] kita *kelik* [pulang] lah sebentar, rasa ingin datang kita datang.

**N : Kenangan pahit pula yang tak boleh pak cik lupakan sepanjang membuat wau**

PCS : *Tadok* [tiada], kalau masalah kecil kita tidak *cara* [peduli], kalau kita *cara* [peduli] fikiran asyik tidak tenang duduk fikir serabut dekat orang itu ini, ah! Sudah *takleh* [tidak boleh] buat kerja, kalau *bo* [cuma] sikit sebanyak tu halal-beralal sahaja. Senang baru la kita tak sakit hati. Kalau kata janji dengan orang [pelanggan] pasal wau, kita janji sekian selepas itu mari tetapi tidak ambil kita *takleh* [tidak boleh] marah kepada orang itu. Mungkin ada tidak *kena* [suka] dengan wau yang disiapkan lah maksudnya. Saya pernah berurusan dengan orang Singapura, ini wau ini (menunjukkan wau di dinding). Dia datang mula-



mula *start* (mula) nak beli wau empat kaki, pak cik kata ada, itu wau empat kaki semuanya (menunjukkan wau di dinding). Dia ingin menempah dua butir [buah] wau. Selepas itu dia datang *pulok* [semula] selepas sebulan, dia kata wau yang disediakan, pak cik tanya dia sekarang macam mana? Dia inginkan wau enam kaki pula, ini lah enam kaki (menunjukkan wau di perkarangan bengkel). Pak cik kata wau saiz enam kaki terlalu besar, tetapi mereka jawab, mereka ada lori ada van boleh bawak balik. Mereka tanya berapa harga untuk sebuah wau enam kaki, pak cik jawab lapan ratus. Dia sanggup bayar lapan ratus, selepas itu dia pun pulang. Kelmarin dahulu pak cik telefon, dia pun datang, tetapi *takse* [tidak mahu] pak cik tanya mengapa? Dia jawab *takse* [tidak mahu] besar pulak, pak cik berkata kalau inginkan enam kaki itu lah, pergi ambil lah tali inci ukur sendiri. Dia ukur selepas itu dia kata jolo [benarlah] enam kaki, selepas itu suruh buat wau lain pulak. Pak cik kata, saya sanggup. Selepas tiga minggu dia nak wau puyoh pulak, nak yang enam kaki ah *kalut* [sibuk] pulak kita kata enam kaki *tokleh* [tidak boleh] muat masuk ke dalam van. Pak cik kata berginilah, kamu inginkan wau yang boleh muat kereta beritahu saja pada saya senang. Saya tahu lah dia empat kaki. Kalau enam kaki nak bawak masuk susah. Orang buat bertanding wau empat kaki nak bawa mana-mana pun mudah hendak bawak. Pak cik bukannya nak marah ke *gapo* [apa], maknanya tidak kena dengan cara dia berurusan, kalau dia harapkan kita boleh buat, kita tahulah macam mana nak hasilkan yang terbaik untuk dia.

**N : Apakah pencapaian terbaik yang pernah pak cik perolehi sepanjang membuat wau?**

PCS : Saya bekerja dibawah pengurusan Kraftangan Malaysia, pengurusan kraftangan ambil saya bekerja kiranya ada hasil yang terbaik mereka bagi kita gaji dan sebagainya lah kerana pengurusan Kraftangan yang uruskan *belako* [semua]. Mereka tanya kalau gaji *nak* [hendak] berapa? Saya *oyak* [beritahu] ikutlah, berapa pun gaji saya terima, saya tidak mahu kata begitu begini kerana takut mereka *nok* [hendak] bayar banyak lagipun jika saya kata lebih lagi tidak kena lah pula ikut mereka lah senang mudah kira.

**N : Pak cik pernah menerima anugerah adiguru kan? Kira pencapaian terbaik juga lah tu?**

PCS : Ya.

**N : Adakah perkerjaan pak cik disokong oleh keluarga pak cik?**

PCS : Sokong *belako* [semuanya], orang nak belajar pun kita sokong. Kita mengajar budak-budak. Budak-budak mari nak belajar kita bagi, *takdok* [tiada] gaji *gapo* [apa], sebab kita tua, tidak *cakap* [kuat] doh, *pah* [selepas] ini tiada orang nak buat wau, pupus lah. Tidak mahu la pupus, biarlah ada selalu.

**N : Sebab sekarang pun sudah jarang menghasilkan wau?**

PCS : Ha, dalam negeri Kelantan ni siapa dia lagi? Cuba *oyak* [beritahu], saya seorang sahaja tiada orang lain. Orang lain ada, tetapi wau pantai (wau modern) lah,

dekat pantai wau kikit *tu* [itu], wau itu sahaja, tiada wau bulan sebab itu saya cakap *payah* [susah]. Nak orang yang mampu.

**N : Siapakah individu yang sentiasa memberi semangat dan galakan kepada pak cik?**

PCS : *Mat saleh* [orang asing], dia beri semangat dekat kita, dia kalah sudah dia menyerah sudah dia kata awaklah yang terbaik bahagian buat wau ni, wau buluh, kalau wau dia ni *bubuh* [masukkan] gas, naik dengan gas, mana boleh. Kiranya canggih wau kita, wau dia tu mana canggih naikkan pun dengan gas, sebab tu dia menyerah dia kata dia tidak boleh lawan dengan pak cik.

**N : Adakah susah pada mulanya untuk pak cik menceburi bidang ni?**

PCS : Susah memang susah, fikir lah, fikir cara hendak bagi dia maju, nak buat *lagu mana* [macam mana] nak bagi orang masuk dan beli, ah susah sungguh. Susah sebab kita baru buka. *Dei* [apabila sudah] lama tiada *lagusatu* [tiada] masalah lah, *tok`kei* [takkan] la baru meniaga terus maju.

**N : Dari mana pak cik mempelajari kemahiran membuat wau ini?**

PCS : Begini wau ni sejak zaman orang tua hari tu lagi dia main wau, tapi dia tak kalut serupa orang zaman *lonih* [sekarang]. Mana orang tua-tua hari itu dia main wau ni dia buat bertaruh padi, dia buat padi banyak mana, dia bertanding sesama dia, maknanya siapa yang menang kena bagi padi. Orang dekat pertandingan pantai tujuh tu dia bagi duit macam tulah, masa dulu padi. Masa dulu saya nak bagi

boleh pandai, saya tanya orang tua, *tok royak* [tidak beritahu] *payah* [susah] nak *oyak* [beritahu], pak sepupu lah, buat pergi buluh rumah dia seputung letak dekat tangga saya cakap saya nak wau *sebutir* [sebuah] Pak cu. Pak cu kata letak disitu. Sudah letak tiga bulan dekat situ tapi *tak* [tidak] *jamah* [sentuh] langsung. Hari-hari lalu rumah dia *kelih* [tengok] ada, cukup tiga bulan kita pun tanda dekat buku tiga bulan. Baru nampak dia raut, dia raut seputung sebulan, seputung sebulan, seputung sebulan, dia tidak buat *terus* [selalu] dia buat *lagutu* [begitu], dia nak kaji buluh. Orang zaman *lonih* [sekarang] *tebang* [potong] buluh selepas itu boleh buat naik selalu, dia tidak boleh macam *tu* [itu], benarlah lepas dia timbang, dia timbang kalau dia kering dia senget sebelah dia nak buluh kering.

**N** : **Kena biar buluh tu dulu?**

**PCS** : Kering sungguh, kalau buluh hidup sengget, naik *molek-molek* [bagus-bagus] esoknya ada *berona* [masalah] selalu. Sampai wau tu kita *try* [cuba] biar *takdok* [tiada] *gapo* [apa] *satu* [tiada masalah pun]. Dia kena buluh kering buluh masak lah dia panggil maknanya tidak berat maknanya ringan. Ini ada satu buluh taung, tahan sungguh boleh main lagi, dua puluh tahun umur dia itu, yang satu lagi lima belas tahun (menunjukkan wau di perkarangan bengkel). Mana ada wau sampai lima belas tahun. Sebab kata, wau ni dia nak buluh tua kalau buluh baru ni *toksoh* [tidak perlu] mesti kalah. Ada orang kampung sini pergi main dia *oyak* [beritahu] kalah, pak cik kata buluh dia buluh baru pergi main dengan orang belah kampung sana yang buluh lama. Sebab wau puyuh ni *payah* [susah]

potongan. Potongan wau dua butir [buah] ni pecah rekod (menunjukkan wau di perkarangan bengkel). Dalam surat khabar pun wau ni lah masuk, potongan tubuh dia comel. Wau ni dia nak selari sebab tu kata payah wau ni dia kena belajar lagi.

**N : Pada permulaan pembabitan pak cik semasa umur dua puluh tahun adakah bidang membuat wau ni sudah popular ketika itu?**

PCS : Orang yang buat wau *tadok* [tiada], disini yang buat wau saya dan abang saya. Abang saya sudah meninggal.

**N : Adakah besar modal yang diperlukan?**

PCS : Tidak besar, masa dulu tujuh puluh *rial* [ringgit] sahaja untuk buka kedai selepas itu lama-lama yang ini pulak orang bagi (menunjukkan bahagian depan kawasan bengkel beliau), yang ini orang bagi kita tak minta *dok* [tidak] kita *takse* [tidak mahu] minta, orang suruh minta tapi pak cik tidak minta kalau dia nak bagi datanglah sendiri. Selepas itu, Datuk Takiyudin Timbalan Menteri telefon suruh *gi* [pergi] jumpa tapi saya tidak *gi* [pergi]. Selepas itu dia datang tanya *bakpo* [mengapa] dia telefon suruh pergi ke rumah tetapi pak cik tidak pergi. Pak cik berkata, saya nak pergi buat apa, Datuk orang besar saya nak *kecek* [cakap] *gapo* [apa], saya orang darat. Dia kata saya nak berilah, pak cik kata nak beri apa? Dia jawab nak berilah apa-apa pun. Pak cik kata buat mari sahaja saya terima. Dalam dua hari dia bawa kemari, mulanya sini cerum (tunjuk di bahagian depan bengkel) tapi sudah kambus semuanya lepas itu bawa

mari batu, *khobar-khobar* [sedar-sedar] dia bawa mari tar. Selepas dua bulan dia pasang *signboard* [papan tanda] kita baru *kelik* [pulang] dari Kuala Lumpur, apabila turun kereta tengok ada papan putih di bengkel, saya pun tanya orang, tiang nak buat *gapo* [apa], dia kata nak buat *signboard* [papan tanda]. Selepas itu, mari Datuk Takiyudin, Pak cik tanya buat apa ni Datuk? Dia tanya pak cik tidak tahu? Pak cik jawab tidak tahu sebab kelmarin baru balik dari Kuala Lumpur. Dia kata nak buat *signboard* (papan tanda). Orang mari *tepek* [tampal] gambar pak cik lepas tu orang mari nak ubah suai benkel, pak cik kata buat jelah, sebab orang nak beri kita *dok* [tidak] mahu mengharap atau minta. Kita *dok* [tidak] minta ni ada sebab, kalau kita minta dia bagi kalau dia tak bagi rasa lain macam pula kita, orang tidak bagi kita rasa nak marah kalau dia beri Alhamdulillah lah, begitulah ceritanya.

**N : Apakah kemahiran yang di perlukan unruk membuat wau?**

PCS : Dia kertas lah, kena pandai cari kertas lepas tu macam-macam lah alat dia *tu* [itu]

**N : Kena pandai cari buluh tak?**

PCS : Semua, buluh semua kena pandai *belako* [semua] kena bagi cukup syarat, kalau pandai buluh saja *takleh* [tidak boleh] kena cari semua pisau raut, alat dia sebab nak buat kerja kan.

**N : Dari mana pak cik mempelajari kemahiran dalam penghasilan wau?**

**PCS :** Sebab begini pak cik masa dulu pak cik tidak mahu pergi sekolah, setakat darjah tiga, *takselah* [tidak mahu lah], kata cikgu pak cik, Cikgu Mahmud, *mu* (kamu) nak kerja *gapo* [apa] dia kata pada pak cik. Pak cik jawab tidak tahu cikgu, saya tidak boleh kerja dengan orang, saya nak buat wau saya *oyak* [beritahu] *ko* [kepada] dia saya nak buat wau. Cikgu Mahmud kata saya ni gila. *Cik* [nenek] kita marah, dia cakap *mu* [kamu] ni *apo* [apa] lah buat wau, orang buat main saja bukan buat wau jual, kita *takse* [tidak mahu] sekolah *tak* [tidak] perlu *kecek* [cakap] lah kita *takse* [tidak mahu]. Lepas tu saya fikir sebab di Kelantan ni *takdok* [tiada] lagi orang menjual wau, kalau saya nak buka kedai kopi sudah ada orang jual *belako* [semuanya]. Saya fikir-fikir ini sahaja bidang kerjaya dan hasil pendapatan saya.

**N : Kiranya pak cik belajar sendiri?**

**PCS :** Belajar sendirilah, raut buluh itupun ambil orang punya untuk ukur buluh. Buat sebutir tidak naik sampai sepuluh butir *tak* [tidak] naik lagi dah dia tidak bagi buat wau, buat wau *gitu* [begitu] mana boleh, selepas tu ukur situ ukur sini lepas tu *try* (cuba) baru naik. Lepas tu lah saya *ngaji* [belajar] dengan cara begini. Beli wau dengan orang yang selalu buat main, nak tanya tidak berani. Sekarang budak-budak datang tanya saya. Saya beritahu buat dulu baru datang tanya, raut serupa dengan pak cik raut buat balik raut dekat rumah pun *takpo* [tidak] apa, kalau jadi serupa dengan pak cik ni bawa mari sini ikat sini pak cik nak tengok baru jadi. Kalau raut dekat sini pak cik tengok budak malu, raut putus atau *gapo*

[apa] ko. Kita ajar *lagutu* [macam itu] budak-budak baru mudah, kalau nak ajar *gini* [begini] *payah* [susah] nak pegang pisau *tak* [tidak] *reti* [pandai], kalau kita bagi seputung dia bawa *kelik* [pulang] raut lah, budak *lonih* [sekarang] pandai dah lebih-lebih orang sekolah bertambah pandai, kita ajar begitu kalau ajar disini dia malu, kalau orang lain mari tengok semua suka, lepas *tu* [itu] tidak mahu lagi buat. Pernah ada budak datang dua orang dia kata pak cik kita nak belajar buat wau. Pak cik *belah* (potong) buluh lepas tu kalau jadi serupa pak cik ni boleh lah, tapi *tak* [tidak] jadi raut pun putus, masuk tengah hari dia kata *puas* [bosan] lah dia pun *nak* [hendak] *kelik* [pulang]. Selepas tu pak cik kata pada dia pak cik rasa *mu* [kamu] setakat hari ni esok pasti *tak* [tidak] datang lagi, benar esok *tak* [tidak] datang sampai *lonih* [sekarang]. Cara pegang pisau *tak* [tidak] pandai bagaimana *nak* [hendak] main wau. Biasalah pisau ni kena belajar pegang nak raut tapi *takse* [tidak mahu].

**N : Boleh pak cik nyatakan pertandingan wau yang pernah pak cik sertai?**

PCS : *Tu* [itu] piala *belana* [banyak] (menunjukkan piala di atas meja) *tak* [tidak] *ceakap* [kuat] *bilang* [kira] banyak sudah.

**N : Yang paling besar pernah pak cik sertai? Kiranya pertandingan paling bermakna buat pak cik?**

PCS : Setakat yang pak cik berhenti ni pertandingan di Johor dekat Pasir Gudang wau selepas itu pak cik berhenti selalu dari menyertai pertandingan.



**N : Biasanya dimanakah pertandingan wau ni sering di anjurkan?**

PCS : Pada masa dahulu di Kelantan, *lepas* [selepas] tu [itu] di Pasir Gudang, Johor.

**N : Biasanya apakah hadiah yang ditawarkan di dalam sesuatu pertandingan wau?**

PCS : Dia bagi duit, sijil dan piala.

**N : Apakah jenis kreteria wau dan cara permarkahan yang selalu diambil kira dalam pertandingan wau?**

PCS : Ianya *gini* [begini], peserta harus memainkan setiap jenis wau. Pertama wau bulan kedua wau kucing, ketiga wau jala budi, selepas itu wau merak iaitu wau di Johor. Pertandingan wau mempunyai lima kategori, termasuk dengan wau daun, Di ambil kira pada permulaan pertandingan peserta harus menaikkan wau bulan, selepas habis wau bulan, wau kucing habis wau kucing wau jala budi, habis wau jala budi wau merak habis wau merak wau daun sebagai penghabisan. Ianya melibatkan negeri-negeri, negeri Kelantan mewakili wau bulan, Johor wau merak, Terengganu wau kucing, Kedah wau jala budi, ianya harus bagi peserta mewakili negeri masing-masing yang nak ingin bertanding wajib baginya untuk membuat wau dari negerinya dan negeri-negeri lain, kalau *takdok* [tiada] sebagai contoh, peserta Johor *takdok* [tiada] wau merak dia *tokleh* [tidak] dibenarkan untuk menyertai pertandingan, kalau datang ke Kelantan, *takdok* [tiada] wau puyuh, dia juga *tak* [tidak] boleh main, nak main *lagumana* [macam mana], ianya harus buat juga wau negeri. Sebab tu kata *payah* [susah] sedikit. Tetapi

biasanya masuk pada bahagian permakahan corak bunga dia harus *oyak* [beritahu] lah motifnya tahun ni daun tembikar selepas tu daun kangkung, wau sobek bengkeng daun tembikar wau yang main *gini* [begini] bebas. Wau sobek bengkeng tu wajib daunnya. Dia perlu tahu kategori tu mesti kalau daun *tu* [itu] dia tanding pula markah boleh berapa, *comel* [cantik] atau hodoh. Kalau *tak* [tidak] berapa *comel* [cantik] dia motif ini atas orang kertas warna kena orang ahli lukis kalau bukan ahli lukis tidak *berlaga* [sesuai] dia nak hijau kita *bubuh* [letak] merah, dia kena *kelih* [lihat] satu-satu wau yang bertanding ni, ianya kena dilihat dengan teliti, dalam pengambilan markah itu, kalau wau bulan harus bersama wau bulan *belako* [semuanya], wau kucing dengan wau kucing dia *tak* [tidak] boleh bercampur.

#### TAMAT BAHAGIAN 4

## **BAHAGIAN 5: PENGENALAN KEPADA PEMBUATAN WAU**

**N : Apakah jenis-jenis wau yang terdapat di Malaysia?**

**PCS : Wau bulan, wau puyuh, wau jala budi, wau kucing dan lain-lain.**

**N : Apakah keunikan yang ada pada setiap jenis wau?**

**PCS : Serupa *saknih* [sebentar tadi], iaitu ukiran.**

**N : Kebiasanya apakah jenis wau yang popular di negeri Kelantan?**

**PCS : Wau bulan.**

**N : Apakah jenis wau yang susah/rumit untuk dihasilkan?**

**PCS : Wau puyuh.**

**N : Apakah jenis wau yang paling popular di kalangan pelanggan dan pemain?**

**PCS : Wau bulan.**

**N : Apakah jenis wau kegemaran pak cik?**

**PCS : Wau bulan.**

**N : Adakah ia mempunyai pantang larang tertentu ketika/dalam proses pembuatan wau?**

**PCS : *Takdok* [tiada], atau ada ke pantang larang? Biasanya ada orang *oyak* [beritahu],**

tapi karut *belako* [semuanya] tu (ketawa).

**N : Apakah jenis buluh yang sesuai untuk membuat wau?**

PCS : Buluh duri.

**N : Boleh pak cik terangkan mengenai seni corak yang terdapat pada wau?**

PCS : Corak, yang terbaru untuk tahun depan ialah corak daun jawa akan keluar pada tahun hadapan.

**N : Dari manakah pak cik mendapat idea untuk membuat corak-corak wau?**

PCS : Kita harus tahu motifnya, dia *tak* [tidak] boleh buat benda yang *tula* [sama], tahun ini motif ini tahun depan motif ini pula.

**N : Apakah bahan dan alat yang di perlukan dalam proses pembuatan wau?**

PCS : Alatnya hanya seperti kertas, apabila bertanding tidak boleh menggunakan kertas kilat, dia [juri] nak kertas macam ni (menunjukkan kertas di atas meja) dia tak *oyak* [beritahu] dia potong markah. Jadi kita akan bertanya *bakpo* [mengapa], wau kita ni *comel* [cantik] tapi kalah, selepas itu barulah tahu permarkahan dari segi bahan yang digunakan turut di ambil kira.

**N : Berapa lamakah kebiasaanya masa diambil untuk menyiapkan sebuah wau?**

PCS : Seminggu sebuah.

**N : Boleh pak cik terangkan fungsi busur yang diletakkan di atas wau?**

PCS : Busur selalunya *pandok* [panjang] dua kaki, jika lebih *tak* [tidak] dibenarkan.

**N : Apakah fungsinya?**

PCS : Dia daun mulong, kenal ke daun mulong? Daun mulong ni dia bunyi *molek* [sesuai]. Kalau dalam pertandingan busur *takdok* [tiada] dia potong markah dia *tak* [tidak] akan beritahu juga tu. Dia Cuma pergi lihat ada atau *tak* [tiada] busur semasa nak bertanding kalau ada busur tetapi tidak menggunakan daun mulong marah akan turut dipotong.

**N : Dari manakah pak cik mendapat bahan untuk membuat wau?**

PCS : Dari Kota Bharu.

**N : Adakah jenis kualiti sesuatu bahan mempengaruhi untuk menghasilkan wau yang terbaik?**

PCS : Ya, kita haruslah pandai *kelih* [tengok]. Kertas yang nipis yang tidak berkilat kalau kertas tebal *takleh* [tidak boleh], maknanya kena *check* (periksa) kertas tersebut. Kalau nipis bagus dan kalau yang tebal tidak bagus kerana ianya berat dan susah untuk dinaikkan.

**N : Kebiasanya bilakah permainan wau ini dimainkan?**

PCS : Bulan dua di Johor. Dekat sini pula bulan lima.

N : **Maksudnya musim apa sesuai untuk main wau?**

PCS : Di sini *molek* [sesuai] *tu* [itu] pada bulan lima, sama seperti di Johor *molek* [sesuai] di mainkan pada bulan dua.

N : **Kebiasaannya berapa orang pemain diperlukan untuk menaikkan wau?**

PCS : Satu *group* (kumpulan) empat orang.

N : **Jenis tali yang sesuai digunakan untuk menaikkan wau?**

PCS : Tali tarsi.

N : **Harga purata bagi sesebuah wau?**

PCS : Empat ratus.

N : **Kebiasaannya dari manakah pelanggan yang selalu menempah wau dari pak cik?**

PCS : Ada *belako* [semuanya] kalau kira, dari Kelantan pun ada. Kebanyakannya dari luar Negara.

N : **Luar Negara tu Negara mana?**

PCS : Jerman, Australia, New Zealand datang *belako* [semua]

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## BAHAGIAN 6: PENGANUGERAHAN ADIGURU SENI WAU

- N** : Berkenaan penganugerahan Adiguru Seni Wau, Boleh pak cik ceritakan saat ketika pak cik mendapat anugerah Adiguru Seni Wau
- PCS** : Pada masa *tu* [itu] saya *tak* [tidak] tahu dia (pihak Kraftangan Malaysia) telah memanggil saya sudah empat hingga ke enam kali, saya tanya *gi* [pergi] *wak* [buat] *gapo* [apa], dia ingin ajak saya ke Kuala Lumpur, jika [tidak mahu] *gi* [pergi] kita, dia akan *wi* [bagi] anugerah ini *ko* [kepada] orang lain. Dua tahun selepas itu dia datang ajak saya lagi, dan terus berkata kita akan *gi* [pergi] ke Kuala Lumpur esok. *Gi* [pergi] *wak* [buat] *gapo* [apa] saya tanya dia, dia jawab makan angin. Kalau nak makan angin dekat rumah ni pun boleh makan angin. Esok hari *tu* [itu] saya *tak* [tidak] teringat *wak* [buat] yang saya telah berjanji, tetapi terus datang *duk* [duduk] buat kerja di bengkel, dalam pukul sepuluh pagi dia telefon dan bertanya saya sudah siap? *Tak* [tidak] teringat *doh* [sudah] ada orang nak ajak pergi ke Kuala Lumpur. Orang itu sedang tunggu dekat lapangan terbang. Saya bergegas *kelik* [pulang] cari seluar, baju nak tukar, *tadok* [tiada] sehelai *rabut* [satupun], orang *tino* [isteri] kunci pintu *gi* [pergi] kenduri. Kapal terbang tak tunggu kita, dengan sehelai sepinggan *gi* [pergi] jugak lah takut kata di *gu* [kawan] *tu* [itu], *gi* [pergi] *tu* [itu] dia pun tanya mana kain baju? Pak cik cakap tiada aku datang sehelai sepinggang macam ni je, *mugo* [sebab] nak ambil baju dekat rumah orang *tina* [isteri] aku *tadok* [tiada], oh naik *gi* [pergi] terus lah, Dekat sana turun ada orang ambil kita katanya. Dia pun *bawok* [bawa] *gi*

[pergi] ke kedai baju. (Ketawa), pak cik tanya buat *gapo* [apa], dia kata ni *tadok* [tiada] baju ni nak pakai baju *gapo* [apa] baju buruk ni. Dia pun bawa *gi* [pergi] ke kedai pakai baju. *Gi* [pergi] lah dekat pejabat Kraftangan Malaysia. Ada seorang tunggu kita dia bahagian serunai, dia kata ada orang nak bagi anugerah hari ni, anugerah apa saya tanya, siapa nak bagi? Dia jawab, Datuk Sri Najib *bunyinya* [dengarnya]. Baru dia *oyak* [beritahu], empat tahun *doh* [sudah] *demo* [awak] patut dapat anugerah ini tapi pak cik *takse* [tidak mahu] mari *sokmo* [selalu] *payah bahasa* [susah sangat]. Pak cik pun dapat la anugerah tersebut.

**N : Tarikh menerima anugerah tersebut bila tu pak cik?**

PCS : [Telefon berbunyi]

**N : Kalau pak cik ingat balik tarikh dia tu bila?**

PCS : *Gi* [pergi] tengok sijil dia *tu* [itu] ada, mari nak tunjuk (bangun untuk menunjukkan sijil tersebut di dinding), pak cik *tak* [tidak] ingat *doh* [sudah], berapa hari bulan *tak* [tidak] ingat.

**N : 19 hari bulan 3 2009**

PCS : (Ketawa) tak ingat kita.

**N : Di manakah tempat pak cik menerima anugerah ini?**

PCS : Di bangunan Kraftangan Kuala Lumpur.



**N : Siapakah yang menyampaikan anugerah tersebut?**

**PCS : Bukan,mula dia *oyak* [beritahu] apa ni Datuk najib tapi Datuk Safee Abdal.**

**N : Adakah gelaran ini memberi makna yang besar kepada pak cik?**

**PCS : Ya.**

**N : Apakah sumbangan pak cik sehingga diberi gelaran tersebut? Sumbangan maknanya pak cik banyak buat wau?**

**PCS : Ya.**

**N : Selain pak cik, siapakah lagi individu yang diberi gelaran tersebut?**

**PCS : Kalau wau, *tadok* [tiada].**

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## **BAHAGIAN 7: PENGALAMAN DAN SUMBANGAN DALAM BIDANG PEMBUATAN WAU**

**N : Apakah sumbangan pak cik kepada Negara sepanjang pembabitan pak cik sebagai Adiguru dalam seni kraf wau?**

**PCS : Sumbangan pada negeri sahaja.**

**N : Kiranya apa yang membuatkan pak cik mendapat anugerah tersebut?**

**PCS : Kiranya pak cik banyak terlibat dalam memperkenalkan wau di luar Negara, mula-mula *start* (mula) pergi dekat Australia pergi buat demonstrasi, *kelik* [pulang] Australia pergi ke Perancis, lepas *kelik* [pulang] ke perancis *gi* [pergi] ke Melbourne, Australia. Selepas Melbourne pergi ke India dan baru-baru ni pergi ke Istanbul, ni nak pergi ke Itali pula, banyak sangat tempat *doh* [sudah].**

**N : Bolehkah pak cik ceritakan pengalaman pertama pak cik ketika di luar Negara?**

**PCS : Pertama di Australia.**

**N : Kebiasanya Negara manakah yang turut terlibat dalam permainan wau?**

**PCS : *Tadok* [tiada], wau *tu* [itu] lah wau pantai, kita buat *gi* [pergi] wau ke sebuah Negara *tu* [itu]. Kita pergi tunjuk wau kita, bawa tunjuk kepada orang dekat sana. Selepas *tu* [itu] mereka akan suka akan wau kita. Dia tengok wau kita ni canggih dan unik.**

**N : Kebiasanya jenis wau yang dimainkan disana tu wau pantai lah?**

PCS : Ya ,wau pantai lah, wau mat saleh wau pantai.

**N : Mereka tahu buat wau macam itu jelah?**

PCS : Ya lah dia hanya pandai buat wau macam tulah, tiada wau bulan seperti kita.

**N : Pembabitan pak cik sepanjang menpromosi hasil kraf tradisional wau di luar Negara, kiranya apa peranan pak cik semasa berada di luar Negara. Pak cik berperanan sebagai apa?**

PCS : Pergi sana tu maknanya *gini* [begini] kita *gi* [pergi] buat wau, lepas kita buat *tu* [itu] kita buat naik selalu tunjuk cara *lagumana* [bagaimana]. Maknanya kita nak bagi mereka faham selepas *tu* [itu] dia kata *payah* [susah], dia fikir *payah* [susah] macam mana boleh naikkan selalu dua hari siap boleh terus dinaikkan. Ukiran pun mereka *takleh* [tidak boleh] buat, kita *kelih* [tengok] orang dia lembut *takleh* [tidak boleh], raut buluh pun *takleh* [tidak boleh], mereka pegang pisau pandai tetapi bila di suruh raut *takleh* [tidak boleh]. Layang-layang mereka dibuat daripada fiber wau mereka fiber *belaka* [semuanya] wau mereka *tu* [itu] tiada kertas gitu gini serupa kita, Selepas itu wau dia pula kena pegang *sokmo* [selalu], wau kita bila naik kita *tambak* [ikat]. *Lepas* [selepas] *tu* [itu] dekat sana mat saleh pergi dekat saya dan banyak bertanya tentang selok belok wau kita. Mereka sangat berminat.

**N : Kiranya itu pengalaman yang paling bermakna sepanjang pak cik berada di luar Negara?**

**PCS : Ya.**

**N : Adakah orang luar berminat dengan kraf wau?**

**PCS : Ya berminat, tidak kira bangsa.**

**N : Apakah pandangan mereka terhadap kraf wau?**

**PCS : Serupa saya *oyak* [beritahu] *saknih* [sebentar tadi] cantik, canggih sebab mereka tak leh [tidak boleh] nak buat, mereka kalau buat pun pandai bukan *tak* [tidak] pandai, tetapi teraju yang mereka gunakan untuk *nak* [hendak] naikkan wau tu sehingga dua tiga puluh. Wau kita seurat tali sahaja. Sebab tu mereka kata wau kita canggih dan unik.**

**N : Mereka pegang pun sampai dua tangan kan pak cik?**

**PCS : Ya kita sebelah je, sebab tu dia mengaku *takleh* [tidak boleh] lawan orang Kelantan.**

**N : Setelah pak cik menyertai banyak pertandingan wau di luar Negara apakah pak cik rasa wau Negara kita yang paling unik jika di bandingkan dengan Negara lain?**

**PCS : Ya.**

- N : Apakah pendapat pak cik mengenai wau yang terdapat di Negara luar?**
- PCS : Pak cik rasa biasa-biasa sahaja.**
- N : Adakah pak cik pernah di lantik sebagai duta untuk mempromosikan wau?**
- PCS : Ya.**
- N : Kebiasaanya organisasi atau syarikat mana yang sering membantu pak cik membuat demonstrasi wau di luar Negara?**
- PCS : Ramai.**
- N : Salah satu?**
- PCS : Wakil dari Kraftangan Malaysia yang selalu *gi* [pergi] hantar saya.**
- N : Pernahkah pak cik mendapat liputan daripada penerbitan majalah, akhbar atau agensi**
- PCS : Ya, seperti TV 3 pernah datang ke sini, kalau surat khabar tu banyak lah.**
- N : Pernahkah para pelancong datang melawat rumah pak cik untuk melihat hasil seni wau?**
- PCS : Ya, ada *sokmo* [selalu], ada mari berhimpun dekat sini dia mari belajar secara *puak-puak* [kumpulan-kumpulan, mereka kata nak mari tujuk puluh orang, saya hampar tikar dekat bawah ni. Datang dengan menyewa basikal. Orang luar pun banyak, cikgu-cikgu pun datang sini *belako* [semuanya]. Tadi cikgu yang**

menelefon. Nak ambil rangka wau untuk dibawa ke Britain, nak *gi* [pergi] tunjuk orang dekat sana.

**TAMAT BAHAGIAN 7**

## **BAHAGIAN 8: IDEA, CADANGAN DAN PENDAPAT BERKENAAN PERMAINAN WAU PADA MASA KINI**

**N : Mengenai Idea, cadangan dan pendapat berkenaan permainan wau pada masa kini, Bolehkah pak cik memberi pendapat berkenaan dengan isu permainan wau pada masa kini?**

**PCS : Isu nya seperti *saknih* [sebentar tadi], dia kena mula dengan kita *belako* [semuanya], dalam Kelantan ni kita lah bahagian wau ni, kalau kita nak main kita lah kena mulakan dahulu, kalau kita tak buat *tubik* [keluar] memang *takleh* [tidak boleh] berkembang permainan wau.**

**N : Maknanya masa lapang ada lagi ko orang main wau?**

**PCS : Ada, ada sokmo tidak berhenti.**

**N : Pak cik tengok sekarang adakah jarang anak-anak muda main wau?**

**PCS : Ramai lagi, baru-baru ini mereka tak dapat main sebab pantai banjir, kalau tidak penuh orang siang malam menjual wau sampai ada yang buat kedai. Petang ni pun ada *sokmo* [selalu] tapi main *gitu* [begitu] je lah pasal dekat kampung, nak main bersungguh pun tak berapa boleh sebab kapal terbang lalu lalang sebab *tu* [itu] ramai main di pantai sana.**

**N : Kalau seperti di Kuala Lumpur jarang tengok orang muda bermain wau?**

PCS : Ada, dekat Batu Caves, anak murid saya ada di sana, di sana ada disediakan padang untuk orang ramai bermain wau.

**N : Adakah pak cik pernah menurunkan/mewariskan ilmu kraf wau kepada orang lain?**

PCS : Pernah, anak buah ramai.

**N : Apakah harapan pak cik terhadap hasil kraf traditional terutamanya wau pada masa akan datang?**

PCS : Maju, jangan *runsing* [risau] wau ni selagi ada orang main, ianya akan terus hidup.

**N : Pada pendapat pak cik adakah perlunya pembinaan sebuah muzium wau bagi menarik lebih ramai anak muda?**

PCS : Kalau buat boleh, tapi jangan buat di sini seperti mana pak cik bagi tahu kena ada tempat yang sesuai, tempat ramai orang, jangan buat di dalam hutan sana, orang nak *kelih* [tengok] tak leh [tidak boleh], serupa di Kota Bharu muzium ada ke? muzium gapo[apa] *lagutu* [begitu], orang *tak* [tidak] *gi* [pergi] di dalam Bandar, dia datang cari *kut* [ikut] dekat orang main dan di tempat asal pembuatan wau baru lah hidup, kalau buat di dalam bandar *takleh* [tidak boleh].



**N : Apakah pandangan pak cik terhadap wau atau layang-layang moden pada masa kini?**

**PCS :** Tapi mereka *lonih* [sekarang] nak perhidup cara moden, nak buat wau moden tapi *tak lah* [tidak boleh] *tak* [tidak] hidup wau moden sebab budak-budak tak minat sebab dia *takleh* [tidak boleh] *tambat* [ikat] mereka tetap lebih minat pada wau tradisional juga.

**N : Pada pandangan pak cik adakah seni reka wau traditional akan lupus di telan zaman?**

**PCS :** *Serupa* [macam] *oyak* [beritahu] *saknih* [sebentar tadi]

**N : Siapakah yang patut memainkan peranan untuk meruskan legasi wau traditional supaya tidak di telan zaman?**

**PCS :** Pasal ni lah, *lonih* [sekarang] Raja negeri kita pun minat, minat Raja kita ni, akan membuatkan orang ramai akan turut serta minta, kalau di Johor, Sultan dan pihak yang berkenaan tidak putus mengalakkan orang ramai untuk bermain dan meneruskan pembuatan wau sebab itu saya berkata wau *tak* [tidak] akan pupus.

**N : Kiranya golongan muda patut meneruskan warisan wau?**

PCS : Ya, golongan muda bukan tiada, ada tapi dia *tak* [tidak] berani nak mulakan *tu* [itu], sebab dia takut dekat kita, dia takut kepada orang tua , budak-budak muda *lonih* [sekarang] budak-budak baru dia *takleh* [tidak boleh] dengan *terkan* [tekanan], *takdok* [tiada] memang ramai anak muda yang ingin meneruskan warisan wau tetapi ada yang tengah sibuk dengan pendidikan di sekolah *belako* [semuanya]. Nak buat wau, ukiran *takleh* [tidak boleh] *gi* [pergi], nanti dia takut pula kita *gi* [pergi] tegur, budak-budak *lonih* [sekarang] dia minat main wau kosong, dia *takse* [tidak mahu] wau *sobek-sobek* [ubahsuai] ni kerana mereka *takleh* [tidak boleh] menghasilkan wau sebegitu.

**N : Apakah yang membuatkan golongan remaja pada masa kini tidak berminat dengan permainan traditional wau?**

PCS : Seperti *Saknih* [sebentar tadi] saya *oyak* [beritahu]. Selagi kita ada, main tapi wau *lagutu* [begitu] lah main-main *tak* [tidak] lepas *tu* [itu] main-main *tak* [tidak] pula.

**N : Satu lagi sebab sekarang ada macam-macam permainan video dan internet**

PCS : Ya, yang *tu* [itu] lah benda-benda orang luar, yang *tu* [itu] buat *gapo* [apa] *takdok* [tiada] *tubik* [keluar] peluh, Jikalau *takdok* [tiada] wau anak-anak muda akan jadi punah ranah habis, ada dengan meghisap dengan *gapo* [apa] buat aktiviti tidak berfaedah. Jikalau anak muda *lonih* [sekarang] benda tidak berfaedah sangat laju

kalau dengan *gonih* [wau] lambat. *Fashion* [cara] budak sekarang, tidak asing dengan televisyen. Dalam usia muda pun sudah ada telefon, biar setakat mat saleh sudah la jangan sampai ke kehidupan kita anak orang Melayu. Anak-anak kecil yang masih merah-merah lagi sudah pandai main telefon.

**N : Sudah boleh pegang telefon di tangan, jauh jika nak dibandingkan dengan zaman dahulu**

**PCS : Ya, kita pun *tok* [tidak] nak kata dekat anak orang, anak cucu kita sendiri pun pandai main telefon kita. Pak cik tanya telefon pak cik dekat sini ada di mana, cucu saya jawab, telefon ada dengan dia, kita tanya buat main *gapo* [apa] telefon itu? Dia jawab main *game* [permainan video]. Kecil-kecil lagi sudah pandai.**

**N : Selesai sudah temubual kami bersama Pak cik Shafie kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pak cik Shafie kerana sudi meluangkan masa bersama kami dalam melaksanakan tugas temu bual bersama tokoh. Sekian terima kasih.**

**TAMAT BAHAGIAN 8**

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
0.00	Nama, maklumat diri serta latar belakang	
01:50	Menerangkan lebih lanjut tentang maklumat keluarga beliau	Puan Aminah Encik Jusoh
02:00	Memberitahu latar belakang beliau di dalam keluarga	Puan Wan Embung
02:35	Menerangkan maklumat pengenalan peribadi beliau	
<b>BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN</b>		
03.30	Menceritakan latar belakang pendidikan beliau	Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Banggol

<b>BAHAGIAN 3: PEKERJAAN AWAL</b>		
3.55	Menceritakan latar belakang pekerjaan awal beliau	
04:20	Menerangkan pekerjaan awal beliau sebelum bergiat ke arah pembuatan wau	Menanam padi
05:15	Menceritakan mengapa beliau bertukar kerjaya ke pembuatan wau	
<b>BAHAGIAN 4: PENGLIBATAN DALAM BIDANG PEMBUATAN WAU</b>		
07:45	Memberitahu penglibatan beliau secara langsung dalam bidang pembuatan wau	
08:00	Menerangkan sebab mengapa beliau minat terhadap bidang penghasilan wau	
09:00	Menjelaskan jangka masa kerjaya beliau sebagai pembuat wau	Tiga puluh tahun
11:00	Berkongsi kenangan manis dan pahit beliau sepanjang mencuburi bidang pembuatan wau	
17:00	Menceritakan pencapaian terbaik beliau sepanjang penglibatan bidang pembuatan wau	
	Memberitahu orang-orang yang menyokong	

18:30	dan mendorong beliau di dalam kerjaya pembuatan wau	
<b>BAHAGIAN 5: PENGENALAN KEPADA PEMBUATAN WAU</b>		
21:40	Berkongsikan kesusahan pada awal permulaan kerjaya beliau	
22:10	Menceritakan kemahiran yang beliau dapat dalam pembuatan wau	Pak Cu (Bapa saudara)
27:20	Menerangkan bagaimana tahap populariti bidang penghasilan wau pada zaman dahulu dan kos serta modal	
34:10	Berkongsi jenis kemahiran yang diperlukan dalam pembuatan wau	
40:15	Menceritakan segala pengalaman beliau di dalam pertandingan wau yang beliau sertai sertai kreteria pertandingan	

49:45	Menceritakan segala maklumat berkenaan dengan wau dari jenis wau sehingga ke bahan buatan	Wau bulan Wau puyuh Wau kucing Wau jala budi
54:00	Menjelaskan sumber untuk mendapat bahan-bahan untuk membuat wau dan maklumat berkenaan dengan bahan tersebut	Kota Bharu
55.30	Memberitahu tempat yang terbaik untuk bermain wau	Johor
57:00	Berkongsi maklumat berkenaan dengan pelanggan yang membeli wau dari beliau	Australia Jerman New Zealand



<b>BAHAGIAN 6: PENGANUGERAHAN ADIGURU SENI WAU</b>		
57:40	Memberitahu segala cerita disebalik penganugerahan beliau sebagai Adiguru seni warisan wau	Kuala Lumpur
<b>BAHAGIAN 7: PENGALAMAN DAN SUMBANGAN DALAM BIDANG PEMBUATAN WAU</b>		
01:03:05	Menceritakan segala pengalaman dan sumbangan beliau selama pembabitan di dalam bidang pembuatan wau	
<b>BAHAGIAN 8: IDEA, CADANGAN DAN PENDAPAT BERKENAAN PERMAINAN WAU PADA MASA KINI</b>		
01:16:10	Meluahkan segala idea, cadangan, pendapat serta harapan beliau terhadap bidang wau pada masa akan datang	

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
9.00pg - 9.15pg	23 Apr 2015	Panggilan Telefon  Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan
2.00ptg -4.30 ptg	31 Mei 2015	Perjumpaan pertama bersama tokoh.  Perjumpaan berlaku di rumah tokoh bertujuan untuk menemubual tokoh	Sesi temubual dilakukan bersama tokoh
1.00ptg-6.00 ptg	7 Jun 2015	Penulisan transkrip  Sesi penulisan transkrip di lakukan berdasarkan pita rakaman temubual yang telah dirakam	Sesi penulisan transkrip

# SENARAI SOALAN

Soalan – soalan temubual bersama tokoh adigururu aneka kraf

## Latar Belakang

1. Apakah nama penuh pak cik?
2. Adakah pakcik mempunyai nama gelaran?
3. Jika ya, mengapa pakcik digelar sedemikian?
4. Berapakah usia pak cik sekarang?
5. Bilakah tarikh lahir pak cik?
6. Di manakah pak cik dilahirkan?
7. Di mana pak cik dibesarkan?
8. Di mana pak cik tinggal sekarang?
9. Siapakah nama ibu pak cik?
10. Siapakah nama ayah pakcik?
11. Berapa orang adik beradik pak cik?
12. Pak cik anak ke berapa?
13. Siapakah nama isteri pak cik?
14. Berapa orang anak pak cik sekarang?
15. Apakah hobi pak cik pada waktu lapang selain membuat dan bermain wau?
16. Selain pak cik adakah ahli keluarga lain turut serta dalam bidang penghasilan wau?

## Sejarah Pendidikan

17. Tentang latar belakang pendidikan pak cik, bolehkah pak cik jelaskan serba sedikit sejarah pendidikan pak cik?
18. Apakah nama sekolah rendah tempat pak cik menuntut dahulu?
19. Adakah pak cik aktif menglibatkan diri dalam penghasilan wau semasa di sekolah rendah?

## Pekerjaan Awal

20. Boleh berkongsi dengan kami pekerjaan pertama yang pernah di lakukan oleh pak cik sebelum ini?
21. Berapa lamakah perkerjaan itu bertahan?
22. Apakah yang menarik minat pak cik untuk bertukar kerjaya ke arah pembuatan wau?

### **Penglibatan Dalam Bidang Pembuatan Wau**

23. Bilakah pak cik mula serius melibatkan diri dalam pekerjaan pembuatan wau ini?
24. Apa yang membuatkan pak cik berminat untuk menceburkan diri dalam bidang pembuatan wau?
25. Berapa lamakah pak cik sudah terlibat dalam bidang pembuatan wau ini?
26. Apakah kenangan manis yang tidak dapat pak cik lupakan di sepanjang penglibatan pak cik dalam bidang ini?
27. Apakah kenangan pahit pula yang tidak boleh pak cik lupakan di sepanjang penglibatan pak cik dalam bidang ini?
28. Apakah pencapaian terbaik yang pernah pak cik perolehi?
29. Adakah perkerjaan pak cik di sokong oleh keluarga?
30. Siapakah individu yang sentiasa memberi semangat dan galakkan kepada pak cik?
31. Adakah susah pada mulanya untuk pak cik menceburi bidang/kerjaya ini?
32. Apakah cabaran di dalam bidang/kerjaya ini?
33. Dari mana pak cik mempelajari kemahiran seni pembuatan wau?
34. Pada permulaan pembabitan, adakah bidang/kerjaya ini popular pada ketika itu?
35. Adakah besar modal yang diperlukan untuk bergiat di dalam bidang/kerjaya ini?
36. Apakah kemahiran yang diperlukan dalam pembuatan wau?
37. Dari mana/siapa pak cik mempelajari dan mendapat kemahiran dalam penghasilan wau?
38. Boleh pak cik nyatakan pertandingan wau yang pernah disertai?
39. Kebiasanya di manakah pertandingan wau ini sering dianjurkan?
40. Adakah sebelum ini pak cik pernah memenangi pertandingan wau?
41. Jika ya ,di manakah lokasi tersebut?
42. Apakah pencapaian terbaik yang pernah pak cik juarai di dalam pertandingan wau?
43. Kebiasanya apakah hadiah yang di tawarkan dalam sesuatu pertandingan wau?

44. Apakah jenis kriteria wau dan cara permarkahan yang selalu diambil kira dalam pertandingan wau?

### **Pengenalan Kepada Pembuatan Wau**

45. Bolehkah pak cik jelas dan ceritakan sejarah permainan wau?
46. Apakah jenis-jenis wau yang terdapat di Malaysia?
47. Apakah keunikan yang ada pada setiap jenis wau?
48. Kebiasanya apakah jenis wau yang popular di negeri Kelantan?
49. Apakah jenis wau yang susah/rumit untuk dihasilkan?
50. Apakah jenis wau yang mudah untuk dihasilkan?
51. Apakah jenis wau yang paling popular di kalangan pelanggan dan pemain?
52. Apakah jenis wau kegemaran pak cik?
53. Bolehkah pak cik terangkan proses pembuatan wau dari mula pencarian buluh hingga ke proses menaikkan wau?
54. Adakah ia mempunyai pantang larang tertentu ketika/dalam proses pembuatan wau?
55. Apakah jenis buluh yang sesuai untuk membuat wau?
56. Boleh pak cik terangkan mengenai seni corak yang terdapat pada wau?
57. Dari manakah pak cik mendapat idea untuk membuat corak-corak wau?
58. Apakah bahan dan alat yang di perlukan dalam proses pembuatan wau?
59. Berapa lamakah kebiasaanya masa diambil untuk menyiapkan sebuah wau?
60. Boleh pak cik terangkan fungsi busur yang diletakkan di atas wau?
61. Apakah bahan yang digunakan untuk membuatnya?
62. Dari manakah pak cik mendapat bahan untuk membuat wau?
63. Adakah jenis kualiti sesuatu bahan mempengaruhi untuk menghasikan wau yang terbaik?
64. Kebiasanya bilakah permainan wau ini dimainkan?
65. Kebiasaannya berapa orang pemain diperlukan untuk menaikkan wau?
66. Di manakah tempat yang sesuai untuk bermain/menaikkan wau?
67. Apakah jenis tali yang sesuai digunakan untuk menaikkan wau?
68. Kebiasaannya berapakah harga purata bagi sebuah wau?

69. Kebiasaannya dari manakah pelanggan yang selalu menempah wau dari pak cik?
70. Pernahkah pak cik mendapat tempahan wau dari luar Negara?

#### **Penganugerahan Adiguru Aneka Kraf**

71. Apakah yang dimaksudkan adiguru aneka kraf?
72. Bilakah tarikh pak cik di anugerahkan sebagai tokoh adiguru aneka kraf?
73. Di manakah tempat pak cik menerima anugerah ini?
74. Siapakah yang menyampaikan anugerah tersebut?
75. Adakah gelaran ini memberi makna yang besar kepada pak cik?
76. Apakah sumbangan pak cik sehingga diberi gelaran tersebut?
77. Selain pak cik, siapakah lagi individu yang diberi gelaran tersebut?

#### **Pengalaman Dan Sumbangan Dalam Bidang Pembuatan Wau**

78. Apakah sumbangan pak cik kepada Negara sepanjang pembabitan pak cik sebagai Adiguru dalam seni kraf wau?
79. Adakah pak cik pernah mewakili Negara dalam mempromosi keunikan hasil kraf traditional wau di luar Negara?
80. Bolehkah pak cik ceritakan pengalaman pertama pak cik ketika di luar Negara?
81. Kebiasanya Negara manakah yang turut terlibat dalam permainan wau?
82. Kebiasanya apakah jenis wau yang sering di mainkan oleh Negara luar?
83. Apakah pembabitan pak cik sepanjang mempromosi hasil kraf traditional wau di luar Negara?
84. Apakah pengalaman yang paling bermakna sepanjang pak cik berada di luar Negara?
85. Adakah orang luar berminat dengan kraf wau?
86. Apakah pandangan mereka terhadap kraf wau?
87. Setelah pak cik menyertai banyak pertandingan wau di luar Negara apakah pak cik rasa wau Negara kita yang paling unik jika di bandingkan dengan Negara lain?
88. Apakah pendapat pak cik mengenai wau yang terdapat di Negara luar?
89. Adakah pak cik pernah di lantik sebagai duta untuk mempromosikan wau?

90. Kebiasaanya organisasi atau syarikat mana yang sering membantu pak cik membuat demonstrasi wau di luar Negara?
91. Pernahkah pak cik mendapat liputan daripada penerbitan majalah, akhbar atau agensi media?
92. Pernahkah para pelancong datang melawat rumah pak cik untuk melihat hasil seni wau?

### **Idea, Cadangan Dan Pendapat Berkenaan Permainan Wau Pada Masa Kini**

93. Bolehkah pak cik memberi pendapat berkenaan dengan isu permainan wau pada masa kini?
94. Mengapakah permainan wau jarang dipermainkan pada masa kini?
95. Apakah pendapat pak cik berkenaan dengan isu tersebut?
96. Bagaimanakah langkah untuk menarik semula minat orang pada masa kini terutama golongan muda dalam permainan wau?
97. Adakah pak cik pernah menurunkan/mewariskan ilmu kraf wau kepada orang lain?
98. Apakah harapan pak cik terhadap hasil kraf traditional terutamanya wau pada masa akan datang?
99. Pada pendapat pak cik adakah perlunya pembinaan sebuah muzium wau bagi menarik lebih ramai anak muda?
100. Apakah pandangan pak cik terhadap wau atau layang-layang moden pada masa kini?
101. Pada pandangan pak cik adakah seni reka wau traditional akan lupus di telan zaman?
102. Siapakah yang patut memainkan peranan untuk meruskan legasi wau traditional supaya tidak di telan zaman?
103. Apakah yang membuatkan golongan remaja pada masa kini tidak berminat dengan permainan traditional wau?

# SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Machang, Kelantan

## PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ..... Pada.....


1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan. Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)


Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.



# GAMBAR



LAMPIRAN 1



Gambar 1: Sijil Adiguru Kraf

# INDEKS

## A

ahli lukis, 34

## B

basikal, 21, 47  
bertaruh, 28  
buluh, 12, 24, 27, 28, 31, 32, 36, 44, 63  
bunyi, 21, 38  
busur, 21, 38, 64

## C

canggih, 27, 43, 45  
cantik, 34, 37, 45  
corak, 6, 12, 20, 34, 37, 63

## D

duit, 22, 28, 33

## F

fiber, 44

## K

Kelantan, 4, 10, 15, 23, 27, 31, 33, 34, 36, 39, 45, 48,  
63  
*kelik*, 21, 24, 29, 32, 40, 43  
Kraftangan, 6, 26, 40, 42, 46

## M

*Mat saleh*, 23, 27  
Menanam padi, 19, 56  
moden, 12, 50, 66  
motif, 34, 37

## P

pertandingan, 28, 33, 34, 38, 46, 57, 62, 63, 65  
*puas*, 21, 32

## R

raut, 28, 31, 32, 44

## S

*signboard*, 29

## T

telefon, 24, 29, 40, 52, 60  
tradisional, 6, 14, 44, 50

## U

ukiran., 35

## W

wau, 4, 6, 8, 10, 12, 17, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 26, 27,  
28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 42, 43,  
44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 56, 57, 58, 59, 61,  
62, 63, 64, 65, 66